

08/05/1997

Malaysia, Senegal meterai perjanjian

Wan Sabariah Shikh Ali

MALAYSIA dan Senegal menandatangani perjanjian tanggung jamin bernilai RM12.5 juta yang akan menyediakan kemudahan kredit pusingan kepada pengimport dari negara itu.

Perjanjian itu ditandatangani antara Malaysia Export Credit Insurance Berhad (Mecib), anak syarikat Bank Industri Malaysia Berhad, dan Bancaire De L'Afrique Occidentale (CBAO), bank utama di negara sub-Sahara itu, di Kuala Lumpur semalam.

Pengurus Besar Mecib, Mohd Noordin Abas, berkata dengan kemudahan itu, pengeksport Malaysia boleh menjual barangan dan perkhidmatan ke Senegal tanpa risiko tidak memperolehi bayaran.

Menerusi perjanjian itu, CBAO akan mengeluarkan surat kredit yang menjamin bayaran kepada jumlah yang diimport dari Malaysia. Dua bank tempatan, Maybank dan Standard Chartered bertindak sebagai bank pengendali di Malaysia manakala Mecib menyediakan polisi jaminan.

Surat kredit adalah bentuk jaminan bayaran yang dikeluarkan oleh bank bagi kegiatan import eksport. Bagi pasaran tradisional seperti Amerika dan Eropah, surat kredit yang dikeluarkan oleh bank adalah jaminan yang mencukupi untuk memastikan pembayaran akan ditunaikan.

Bagaimanapun, menurut Mohd Noordin, bagi pasaran bukan tradisional, pengeksport menghadapi risiko tidak memperolehi bayaran kerana bank yang mengeluarkan surat kredit tidak berupaya berbuat demikian.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu, Mecib diwakili Mohd Noordin manakala CBAO oleh Pengarah Eksekutif Operasinya, Souleyman Soumare. Turut hadir ialah Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri Senegal, Mubaraq Lo.

"Dengan adanya kemudahan ini, pengeksport Malaysia tidak perlu khuatir mengenai pembayaran kerana ia dijamin oleh Mecib.

"Perjanjian ini dijangka melonjakkan kegiatan eksport dan perdagangan antara kedua negara kerana selain pengeksport tidak lagi menanggung risiko, pengimport mempunyai kemudahan kredit tertanggung sehingga 180 hari," katanya.

Pada masa ini, eksport Malaysia ke Senegal berjumlah RM4.3 juta manakala import berjumlah RM400,000. Eksport utama ialah barangan elektronik dan elektrik serta minyak kelapa sawit.

Perjanjian itu adalah inisiatif daripada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Senegal di Argentina ketika menghadiri mesyuarat G-15 pada November 1995.

Sementara itu, Souleyman berkata, ia adalah perjanjian pertama yang ditandatangani oleh bank dari negara itu yang bertujuan meningkatkan hubungan dagang kedua-dua negara.

Pengimport Senegal sebelum ini, katanya, membeli barangan keluaran Malaysia dari Dubai yang tentunya pada harga lebih tinggi.

Dengan adanya jaminan kredit itu, pengimport dari negara itu akan lebih cenderung untuk terus mengendalikan perdagangan dengan pengeksport Malaysia pada harga yang lebih kompetitif.

(END)